

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HHA 101/NSK 002 Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

- Jawab SEMUA soalan.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
- Jawab dengan jelas, tepat dan ringkas.
- Perhatikan dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian jawab soalan-soalan mengenai karya berkenaan. Harap maklum bahawa maklumat yang mengiringi soalan tidak semestinya mengenai perkara yang sama.
- Setiap slaid ditayangkan selama 7 minit dan akan diulang tayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid ditayangkan sekali.
- Had maksimum penulisan bagi tiap-tiap karya ialah DUA [2] halaman. JANGAN MELEBIHINYA.
- Soalan-soalan menurut susunan tayangan slaid, yakni, soalan 1 untuk tayangan slaid pertama, dan seterusnya.

1. **Pelukis:** Yeoh Jin Leng
Tajuk: Sawah Padi
Tahun: 1963
Bahantara: Cat Minyak atas Kanvas

Bagaimanakah pelukis melihat alam di dalam lukisan cat ini? Daripada cara karya ini dilukiskan, apakah yang boleh ditafsirkan tentang sikap pelukis terhadap sawah padi, pertanian dan kehidupan masyarakat petani semasa? Bincangkan juga fahaman pelukis tentang seni lukis daripada lukisan ini.

2. **Pelukis:** Mohd. Hoessein Enas
Tajuk: Perempuan Dua-Beradik
Tahun: 1963
Koleksi: Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.

Mengikuti Dolores Wharton, seorang yang telah menulis tentang seni lukis Malaysia, lukisan ini mengandungi mesej "untuk memperlihatkan orang-orang Melayu kepada dunia sebagai orang-orang keturunan Asia yang cantik dan bersopan santun serta menghormati warisan kebudayaannya lebih daripada hal-hal lain". Apa pula pendapat anda sendiri? Sejauh manakah maksud Wharton itu boleh ditafsirkan daripada lukisan ini? Bagaimanakah caranya dilukis berkaitan dengan tujuan yang diandaikan oleh beliau?

3. **Pelukis:** Marcel Duchamp
Tajuk: Fontaine (Pancutan Air atau Fountain)
Tahun: 1917
Bahantara: Objek Sedia Ada (Ready-made) - Mangkuk Tandas (Urinal)

Bincangkan bagaimana karya Duchamp ini membuat komentar tentang seni dari segi kemahiran, originaliti (keaslian) dan kreativiti. Bagaimanakah Duchamp juga membuat komen tentang "niat" atau "hasrat" pelukis di dalam pertimbangan seni dan andaian masyarakat tentang seni?

4. **Pelukis:** Wong Hoy Cheong
Tajuk: Orang Kaya Baru, Gajah, Orang Gaji Rakyat Asing atau Gaya Menawan Golongan Borjuis Yang Tidak Menonjol. (The Nouveau Riche, The Elephant, The Foreign Maid Or The Discreet Charm Of The Bourgeoisie)
Tahun: 1991
Bahantara: Cat Minyak Atas Kain Guni

Tafsirkan komentar sosial yang dibuat di dalam lukisan ini.

5. **Pelukis:** Suleiman Esa
Tajuk: Nurani
Tahun: 1984
Koleksi: Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.

Bagaimanakah pelukis cuba mengaitkan keIslaman dengan karya ini mengikut pendapat anda? Pertimbangkan juga sama ada karya ini boleh didekati dan dinikmati tanpa merujuk kepada 'keIslamannya'.

6. **Pelukis:** Khalil Ibrahim
Tajuk: Pantai Timur 1
Bahantara: Lukisan Batik
Tahun: 1978
Koleksi: Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur

Bincangkan perbezaan pengertian dan signifikansi estetik di antara 'lukisan batik' dan batik sebagai fabrik yang digunakan di dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia.

-ooo000ooo-